

18/02/1998

Harapan PM kepada LTDL '98

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTDL) Ke-3 dengan harapan ia akan terus memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Perdana Menteri menyifatkan perlumbaan terbesar di Asia dan ketiga di dunia selepas Tour de France dan Giro d'Italia itu mampu mempromosikan Malaysia bukan sahaja dalam bidang sukan, malah bagi sektor pelancongan.

Menurutnya, liputan media asing mengenai perlumbaan itu adalah peluang untuk memperkenalkan negara secara lebih meluas, sekali gus menarik lebih ramai pelancong.

Usaha mempromosi Malaysia, katanya, terjejas tahun lalu berikutan laporan media mengenai jerebu yang melanda negara.

"Walaupun jerebu sudah berakhir, media antarabangsa masih memberi gambaran kononnya suasana di Malaysia belum selamat sehingga menjejaskan kehadiran pelancong.

"Berikutan itu, liputan media asing mengenai kejohanan ini diharap dapat memberi gambaran sebenar mengenai negara," katanya di majlis yang dihadiri peserta perlumbaan dan semua penaja kejohanan.

Hadir sama ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Dr Mahathir juga berkata perlumbaan kali ini lebih mencabar, terutama kepada pelumba dari negara berhawa sejuk, kerana cuaca panas di negara ini sekarang.

"Ia adalah medan ujian mengenai daya ketahanan dan stamina pelumba berikutan cuaca panas sehingga 37 darjah Celsius.

"Jika pelumba yang biasa berlumba di negara sejuk mampu berlumba di sini, ia adalah satu kejayaan bagi mereka," katanya.

(END)